

101 asnaf terima sumbangan zakat

Hasil Potongan Zakat Berjadual kakitangan Jasa Merin

Oleh **NURFARDLINA IZZATI MOKTAR**
KEMAMAN

Jasa Merin (Malaysia) Sdn Bhd (Jasa Merin) membantu meringankan beban seramai 101 asnaf dari sekitar daerah ini menerusi wakalah zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan sumbangan lain berjumlah RM86,400.

Pegawai MAIDAM Daerah (Zon Selatan), Hamidah Ab Latif berkata, dana zakat itu merupakan sumbangan melalui skim Potongan Zakat Berjadual kakitangan Jasa Merin.

“Seramai 101 ketua isi rumah dari kalangan asnaf di Kemaman menerima zakat tersebut.

“Mereka menerima wang tunai di antara RM600 sehingga RM1,000 bergantung kepada jumlah ahli isi rumah.

“Kita berterima kasih dan amat menghargai kerjasama erat

antara agensi korporat yang terlibat, sekali gus diharapkan ia membuka lebih banyak peluang asnaf untuk menerima sumbangan pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Agihan Bantuan Zakat di Intan Kampus Wilayah Timur (INTIM), Geliga di sini pada Khamis.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Jasa Merin, Mohd Noor Ismardi Idris berkata, sumbangan yang disalurkan dapat membantu meringankan beban

penduduk setempat yang berdepan masalah kewangan.


Katanya, menerusi inisiatif yang disediakan oleh MAIDAM, organisasi swasta dapat bersama-sama membantu meringankan beban golongan terlibat yang dibelenggu peningkatan kos sara hidup.

Mengulas lanjut, Mohd Noor Ismardi berkata, pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dilaksanakan oleh Jasa Merin termasuk Majlis Penyerahan Zakat dengan kolaborasi bersama MAIDAM yang julung kali diadakan itu.

“Secara tidak langsung program seperti ini dapat mengeratkan hubungan di antara pihak MAIDAM dan syarikat, di samping membuka peluang interaksi serta kerjasama dalam menjayakan program-program pada masa hadapan,” katanya.



MOHD NOOR ISMARDI



Hamidah (kiri) menyampaikan sumbangan zakat kepada seorang daripada 101 ketua isi rumah dari kalangan asnaf di Kemaman pada Majlis Agihan Bantuan Zakat di INTIM pada Khamis.